

# MENJAWAB SERANGAN PEMIKIRAN LIBERALISME TERHADAP ISLAM MENERUSI NOVEL *DAUN* KARYA MALIM GHOZALI P.K.

(*Confronting Liberalisme Attack on Conventional Islam in Daun by Malim Ghozali P.K.*)

Muhammad Zahid Mohamad Zaki  
zahidzaki@dbp.gov.my

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Muhammad Zahid Mohamad Zaki. (2024). Menjawab serangan pemikiran liberalisme terhadap Islam menerusi novel *Daun* karya Malim Ghozali P.K. *Malay Literature*, 37(2), 325–354. [https://doi.org/10.37052/ml37\(2\)no7](https://doi.org/10.37052/ml37(2)no7)

Received: Peroleh:	30/10/2024	Revised: Semakan	7/11/2024	Accepted: Terima:	11/11/2024	Published online: Terbit dalam talian:	14/11/2024
-----------------------	------------	---------------------	-----------	----------------------	------------	---	------------

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis serangan pemikiran liberalisme terhadap pemikiran Islam tradisional menerusi novel *Daun karya* Malim Ghozali P.K. Isu utama yang diketengahkan dalam artikel ini ialah: [i] perhubungan konteks sejarah perkembangan liberalisme di Malaysia yang wujud dalam karya dan luar karya; [ii] menjelaskan bagaimana golongan liberalis cuba membentuk acuan Islam yang ditakrifkan sesuai berdasarkan agenda masing-masing. Kajian ini dijalankan berdasarkan sorotan literatur yang mendapati sikap ahli pascamodenis yang ternyata tidak menyenangkan dan sentiasa mendekonstruksi teori-teori baharu yang menentang nilai Islam sebenar. Kajian ini memanfaatkan gagasan teori Historisisme Baru yang dikemukakan oleh Stephen Greenblatt (1988) sebagai kerangka analisis dengan memanfaatkan konsep kekangan dan mobiliti yang melihat teks dibina daripada rujukan sosiobudaya, iaitu nilai sosial yang meresap dalam diri pengarang melalui kemelut yang melanda masyarakat dalam situasi pengarang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Malim Ghozali P.K. berusaha memberikan pemaknaan baharu demi menolak gagasan pemikiran liberalisme yang sedang berlaku dalam masyarakat seterusnya mengkritik sikap pemerintah ketika

novel ini ditulis yang menjadikan isu agama sebagai agenda politik untuk meraih sokongan.

Kata kunci: Historisisme baru; pascamodenisme; liberalisme; Malim Ghozali P.K.; sejarah, progresif

### *Abstract*

*This study aims to analyse the liberal critiques of Islamic ideology as depicted in the novel Daun by Malim Ghozali P.K. The main issues highlighted in this article are: [i] the historical context of the development of liberalism in Malaysia as presented in both within and outside the creative work; [ii] explaining how liberal groups attempt to shape an interpretation of Islam to fit their respective agendas. This study is conducted based on a literature review that finds the attitudes of postmodernist scholars, who are evidently unsatisfied and continually deconstructing new theories that ohlm.se the true values of Islam. Therefore, this study employs the concept of New Historicism proposed by Stephen Greenblatt (1988) as an analytical framework, utilizing the concepts of constraint and mobility to view texts as constructed from sociocultural references, specifically the social values that permeate the author's identity through the societal crises the author experienced. The findings of the study indicate that Malim Ghozali P.K. strives to provide a new meaning in order to reject the liberalism ideology prevailing in society, while also criticising the government's attitude at the time the novel was written, which use religious issues as a political agenda to gain support.*

*Keywords: New Historicism, postmodernism, liberalism, Malim Ghozali P.K., history, progressive*

## **PENDAHULUAN**

Liberalisme dari segi istilah merupakan satu kesatuan prinsip, atau institusi yang dikenali melalui beberapa karakter antaranya; kebebasan individu, pemilikan harta individu, gerakan politik dan hak sama rata (Doyle, 1994:1151). Fahaman ini telah muncul pada abad ke-14 dan berkembang sebagai ideologi utama di negara barat selepas Revolusi Perindustrian tercetus pada abad ke-18 (Mohamad Kamil Abd Majid, 2008). Menerusi pernyataan tersebut, liberalisme dapat dilihat dalam praktik kebudayaan, politik, ekonomi dan sosial di kebanyakan negara yang melalui peringkat revolusi. Isu berkaitan liberalisme merupakan satu perkara yang sangat

signifikan untuk dibincangkan kerana perkara tersebut berkait rapat dengan akidah umat Islam. Misalnya, pada 17 Julai 2024, *Berita Harian* melaporkan bahawa berlaku penularan ajaran sesat Millah Abraham di Johor. Ideologi ini telah difatwakan haram pada tahun 2019 oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan kerana fahaman salah ajaran ini yang menyatakan kewujudan nabi baharu, sembelihan yang dilakukan oleh bukan ahli fahaman tersebut tidak sah serta amalan syahadah berbeza (Dass, 2024). Bahkan pandangan yang paling keras dilontarkan melalui peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang menyekat pengaruh ajaran liberalisme dalam Islam melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam kali ke-74 yang bersidang pada 25 hingga 27 Julai 2006. Melalui muzakarah tersebut, satu daripada tajuk perbincangan ialah “Aliran pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya kepada Islam di Malaysia.” Dalam muzakarah tersebut, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan memutuskan bahawa pemikiran liberal mengandungi fahaman yang didapati menyeleweng daripada aspek akidah dan syariah (JAKIM, 2006). Selain itu, pihak JAKIM turut mengangkat isu yang sama berkaitan dengan penyelewengan akidah. Pada Februari 2019, pihak JAKIM mengadakan 12 mesyuarat serta bengkel yang melibatkan pelbagai agensi keselamatan negara, antaranya Majlis Keselamatan Negara (MKN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) bagi menangani isu mutakhir yang timbul, iaitu berkaitan akidah, tasawuf dan syariah yang diamalkan oleh kumpulan Global Ikhwan Sdn. Bhd. atau GISBH (JAKIM, 2024). Oleh itu, usaha menentang fahaman liberalisme yang mengandungi unsur yang mengelirukan dalam kalangan umat Islam telah dilakukan sekian lama oleh pelbagai pihak sama ada pihak berkuasa agama serta dibincangkan secara ilmiah tetapi fahaman yang didapati menyeleweng masih berkembang dalam masyarakat pada hari ini.

## **PENYATAAN MASALAH**

Pembacaan yang dilakukan mendapati bahawa isu berkaitan dengan penyelewengan agama Islam telah dibincangkan berdekad yang lalu sehingga mewujudkan emansipasi agama dan penyelewengan akidah. Kebimbangan terhadap impak pemikiran liberalisme di Malaysia yang wujud melalui pelbagai platform perlu diberikan perhatian kerana perkara ini melibatkan kesucian akidah Islam serta dapat membawa kepada pencairan nilai Islam sebenar dalam diri. Dalam melihat isu penyelewengan

akidah yang berlaku, karya sastera yang berperanan sebagai wadah perakam masyarakat telah menzahirkan dilema tersebut, dan antaranya dapat dilihat melalui novel *Daun* yang dihasilkan oleh Malim Ghozali P.K.

Selain novel ini, terdapat beberapa buah novel yang mendasari konsep-konsep Islam seperti akidah, dakwah dan khalifah misalnya *Tuhan Manusia* karya Faisal Tehrani. Kajian yang dilakukan oleh Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah dan Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) dengan menggunakan novel *Tuhan Manusia* sebagai bahan kajian bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan seseorang itu murtad. Dalam kajian tersebut, kekaburan terhadap fahaman Islam adalah berpunca daripada faktor individu, keluarga dan masyarakat. Ketiga-tiga faktor tersebut telah dijelaskan dengan baik oleh Faisal Tehrani dalam novel *Tuhan Manusia*. Hal ini menunjukkan bahawa wujudnya perkaitan antara teks sastera dengan isu sosial yang melanda masyarakat.

Isu perkaitan akhlak Islam pernah mendapat perhatian Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al. (2011) melalui kajian yang berjaya memperlihatkan bahawa wujudnya pertentangan akhlak Islam yang berpunca daripada kegagalan mengurus tadbir institusi kekeluargaan serta pengaruh perkembangan teknologi yang menjadi penyumbang kepada percampuran budaya dan menyebabkan paksi akhlak Islam menjadi longgar dalam masyarakat. Dalam novel yang dipilih sebagai bahagian kajian, Siti Nur Anis Muhammad Apandi et al. (2011) berjaya melontarkan permasalahan masyarakat Melayu yang sedang membangun dari sudut ekonomi tetapi mengorbankan moral dan akhlak Islam.

Perhubungan antara teks sastera dengan isu yang melanda masyarakat dijelaskan oleh pakar bidang sosiosejarah terkemuka, Gina Hienz Piazza, yang melihat bahawa setiap karya mempunyai kepentingan dan membawa mesej peribadi berdasarkan kefahaman pengarang terhadap isu dan realiti semasa yang berlaku dalam masyarakatnya. Ideologi setiap pengarang diterapkan melalui kepayahan watak, perbezaan ideologi antara dua atau lebih pihak dan konflik utama yang berlaku dalam teks (Hienz-Piazza, 2002). Melalui pandangan tersebut, setiap pengarang wujud sebagai perakam realiti sebenar masyarakatnya berdasarkan aspek kekangan budaya yang terjadi sekitar penulisan sesebuah karya. Oleh itu, bagi membuktikan hujahan tersebut, kajian ini memanfaatkan disiplin kesusasteraan dengan membuktikan bahawa terdapat usaha liberalis untuk mengubah pemikiran Islam. Kajian berkaitan dengan pemikiran liberalisme tidak banyak dilakukan khususnya kajian yang memaparkan pertembungan pemikiran Islam dan liberalisme. Sehubungan dengan itu, kajian terhadap novel

*Daun* (2008) merupakan kajian yang perlu dilakukan bagi membuktikan terdapat unsur mimikri yang menjadi sebahagian daripada ideologi pascamodenisme. Mimikri merupakan satu bentuk cabaran penguasaan terhadap sesuatu pemikiran atau ideologi pihak yang dijajah.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif utama dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis secara kontekstual perhubungan sejarah liberalisme di Malaysia melalui analisis novel *Daun* dan latar belakang sejarah ketika novel ini ditulis. Konflik yang berlaku antara pemikiran Islam dengan liberalisme yang ditimbulkan dalam *Daun* menjadi petanda wujudnya usaha untuk meletakkan Islam pada sesuatu landasan mengikut ideologi pengarang serta menjawab serangan liberalisme yang berlaku dalam kehidupan masyarakat. Seterusnya, kajian ini menjelaskan bagaimana pemikiran liberalisme melalui dimensi politik yang dijalankan oleh golongan liberalis cuba membentuk acuan Islam yang ditakrifkan sesuai berdasarkan agenda masing-masing.

## **KAJIAN LEPAS**

Sorotan literatur yang dikemukakan dalam makalah ini membincangkan beberapa kajian terdahulu yang berkaitan dengan topik liberalisme dalam masyarakat di Malaysia. Antara kajian yang didapati sesuai sebagai sorotan kajian ialah Alias Azhar (2017), Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi dan Kamariah Kamarudin (2018), Ibrahim Majdi et al. (2022), Norsaleha Mohd Salleh et al. (2021), Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita Engku dan Ahmad Zaki Engku Alwi (2022) serta Anni Siaturrahmah dan Maimun (2024).

Alias Azhar (2017) menerusi kajian yang dilakukan telah melakukan perbandingan antara sains Islam dengan Barat. Kajian ini berjaya menjelaskan perbezaan pendekatan yang dijalankan antara sains Islam dengan Barat yang dicirikan melalui konteks, epistemologi dan metodologi khusus. Umumnya, perbezaan falsafah sains atau sistem kepercayaan antara barat dengan Islam telah memberikan implikasi terbesar kepada kewujudan perbezaan daripada aspek perkembangan pengajian sains itu sendiri. Secara keseluruhannya, kajian ini mewujudkan perbezaan dikotomi sains Islam yang memerlukan kesepaduan antara wahyu dengan akal manakala Barat melihat sains sebagai satu-satunya kaedah untuk mengukur kebenaran. Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi dan Kamariah Kamarudin (2018) menerusi kajian mereka mengguna pakai prinsip akidah Imam al-Syafie

dalam menganalisis karya kreatif. Kajian ini telah memperlihatkan bahawa sesebuah karya mampu berperanan dalam menjaga serta memantapkan pegangan akidah pembaca. Dalam kajian yang dilakukan, empat prinsip Manhaj Akidah Imam al-Syafie yang disandarkan sebagai pendekatan kajian membuktikan novel *Rimba Jiwa* dan *Qalam Kalbu* berfungsi sebagai alat mendidik masyarakat tentang kepentingan menjaga akidah sebagai seorang Muslim. Namun begitu, kajian ini menyetepikan elemen sosiobudaya masyarakat yang mempengaruhi penciptaan karya.

Kajian oleh Ibrahim Majdi et al. (2022) memfokuskan evolusi dan perkembangan liberalisme di Malaysia sejak dibawa oleh penjajah sehingga membentuk sebuah gerakan sosial di Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa falsafah liberalisme berada di tengah-tengah masyarakat pada hari ini dalam bidang kehidupan seperti ekonomi, politik, budaya, undang-undang dan pentadbiran di Malaysia. Melalui kajian ini, aspek perkembangan dan penyebaran falsafah liberalisme ini diperlihatkan sebagai ancaman dalam bentuk akidah terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Pihak liberalisme berterusan menggunakan akal secara bebas tanpa mengambil kira nas-nas al-Quran dan hadith Nabawi dalam mentafsirkan hal-hal berkaitan dengan akidah dan ketauhidan disebabkan oleh kesukaran dalam melaksanakan undang-undang berkaitan. Dalam rumusan pengkaji, biarpun pada peringkat awal falsafah liberalisme lebih menyumbang kepada gagasan pemikiran dalam bidang ekonomi melalui idea perusahaan bebas (*free-enterprise*), *laissez-faire* dan kapitalisme, tetapi akhirnya terdapat penekanan kepada aspek individualism dan moral (Wolf, 1968). Akhirnya, liberalisme membawa kepada unsur kebebasan mutlak yang jelas berbeza pandangan dengan ajaran agama Islam.

Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2022) pula menganalisis kesan yang berlaku kepada masyarakat akibat penyelewengan akidah. Kajian ini mengguna pakai kaedah analisis kandungan yang merujuk penyelewengan akidah yang berlaku serta impaknya kepada masyarakat umum. Hasil dapatan kajian ini memperlihatkan beberapa inisiatif telah diambil oleh pihak berkuasa khususnya Jabatan Agama Islam dalam membendung isu berkaitan dengan penyelewengan akidah di Malaysia.

Kajian seterusnya oleh Norsaleha Mohd Salleh et al. (2021) mendapati bahawa gerak kerja liberalisme dalam mempengaruhi pemikiran masyarakat Islam adalah dengan menjauhkan umat Islam daripada peraturan hidup Islam yang sebenar. Kajian ini telah mendedahkan kerangka modus operandi pihak liberalisme, iaitu dengan mempengaruhi persepsi, prinsip, motif, skala, propaganda, perkaderan, proksi, lingkaran

sosial dan indoktrinasi dalam menjayakan liberalisme Islam. Kajian ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam di Malaysia terdedah dengan cabaran dan serangan pemikiran yang semakin mencairkan identiti dan jati diri. Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, terdapat indikasi yang menunjukkan bahawa realiti perkembangan liberalisme yang meruncing dalam masyarakat pada hari ini diterajui oleh golongan dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berusaha mencampuri urusan hal ehwal agama Islam serta meninggalkan kesan terhadap aspek sosiobudaya tempatan.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Anni Siaturrahmah dan Maimun (2024), mereka menganalisis model pemikiran Islam liberal dalam novel “Kemi” karya Adian Husaini berdasarkan perspektif pendidikan Islam. Dalam kajian yang dilakukan, pengkaji telah memperlihatkan sistem pendidikan sebagai dasar kepada konsep Islam yang diamalkan oleh masyarakat. Cadangan mengenai pembaikan sistem pendidikan khususnya di sekolah-sekolah agama persendirian (pesantren) di Indonesia menunjukkan bahawa isu berkaitan dengan akidah bukan hanya disebabkan oleh pengaruh luaran tetapi wujud disebabkan oleh kegagalan sistem pendidikan yang diwujudkan. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak memperlihatkan perkaitan antara realiti yang berlaku dalam masyarakat kerana menganalisis sumber novel semata-mata.

Berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan, isu-isu berkaitan dengan akidah dan perkembangan liberalisme telah banyak dijalankan secara ilmiah. Isu berkaitan dengan perbezaan ideologi antara Islam dengan liberalisme serta pengaruhnya dalam membentuk sesebuah masyarakat menunjukkan bahawa budaya sentiasa mengalami perubahan dan terdapat pengaruh luar yang cuba mempengaruhi idea Islam sebenar. Walau bagaimanapun, penelitian terhadap isu liberalisme dalam masyarakat menerusi karya sastera dilihat agak terbatas serta memerlukan penelitian yang lebih rapi. Oleh itu, analisis intertekstual yang dijalankan terhadap sesebuah karya sastera akan memperlihatkan bagaimana sosiobudaya masyarakat ketika sesebuah karya itu ditulis merupakan realiti sejarah yang cuba diberikan pemaknaan oleh pengarang.

## **METODOLOGI**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan melakukan analisis kandungan manuskrip dan informasi berkaitan dengan liberalisme yang relevan berdasarkan teori pembacaan Historisisme Baru. Teori ini dipilih kerana kajian ini memerlukan analisis intertekstual antara karya dengan

realiti masyarakat yang cuba ditonjolkan oleh pengarang dalam karya pilihan. Menurut Henz-Piazza (2002), ciri-ciri utama yang ingin difahami dalam sesebuah karya berdasarkan prinsip Historisisme Baru ialah pertentangan nilai, perjuangan dan pengkisahan baharu yang sebelumnya tidak didengari kerana faktor kekuasaan atau penindasan yang terjadi terhadap sesuatu budaya yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat.

Greenblatt (1989) yang memperkenalkan Historisisme Baru menganggap teori ini sebagai satu kaedah pembacaan kontekstual yang menganalisis isu-isu yang berlaku di sekitar penciptaan sesebuah naskhah sehingga berlaku penentangan nilai dan pengkisahan baharu oleh pengarang. Melalui anjakan makna yang ditampilkan dalam karya, sesuatu peristiwa sejarah dianggap tidak stabil dan terdedah kepada makna-makna baharu berasaskan corak dan bentuk budaya yang melingkungi kehidupan ahli sejarah tersebut. Greenblatt (1989) beranggapan bahawa unsur budaya akan sentiasa mengalami perubahan dan bersifat anjal. Perkara tersebut merupakan ragam dari kebiasaan kebolehan dan tabiat (*capabilities and habits*) yang dilakukan oleh manusia yang berubah mengikut masa, tempat dan individu yang berada dalam situasi tersebut. Terdapat sesuatu keterikatan kuasa (*constraint and mobility*) yang menjadikan idealisme dalam sesebuah teks berubah-ubah terutamanya disebabkan oleh faktor nilai sosial yang berkait langsung dalam diri pengarang.

Pengikut Historisisme Baru melihat artifak budaya seperti hasil seni, mantera, kaedah rawatan tradisional atau pakaian tradisional bagi sesuatu kaum sebagai sebatian ideologi yang bersifat kompleks kerana dihasilkan oleh anggota masyarakat secara kolektif (Greenblatt dalam K. Ryan, 1996:60).

Dalam esei ini, unsur keterikatan kuasa yang diperkenalkan oleh Stephen Greenblatt melalui pendekatan pembacaan Historisisme Baru diguna pakai kerana Greenblatt jelas menyatakan bahawa sesuatu ideologi yang dihasilkan dalam karya atau artifak budaya yang lain adalah sebahagian daripada alat yang memaparkan ideologi masyarakat pada zamannya. Selain itu, Historisisme Baru percaya bahawa setiap teks yang dihasilkan bukan hanya relevan bagi membincangkan sejarah terdahulu tetapi mempunyai perkaitan langsung dengan isu-isu terkini yang berkaitan dengan subjek yang dikaji.

Pengikut Historisisme Baru percaya bahawa setiap binaan sejarah memiliki pertalian langsung dengan masa kini. Hal ini demikian kerana setiap artifak, teks atau produk budaya baharu berkaitan dengan sesuatu sejarah yang diuji melalui pembacaan Historisisme Baru akan membentuk



interpretasi sejarah berbeza. Oleh itu, elemen marginal seperti nilai sosial dan faktor intervensi budaya membawa makna terkini kepada sesuatu peristiwa sejarah.

Pengikut Historisisme Baru percaya bahawa kebenaran fakta sejarah akan mengalami pembaharuan kerana terikat dengan tafsiran semasa. Faktor sosiobudaya pengkaji sejarah yang berbeza-beza akan mewujudkan interpretasi yang unik dan tidak terikat kepada makna sejarah terdahulu. Makna sejarah mengalami perubahan disebabkan oleh penemuan dapatan baharu berkaitan dengan penulisan sejarah misalnya amalan budaya, artifak dan elemen-elemen yang mengawal sesebuah dokumentasi sejarah sebelumnya (Hens-Piazza, 2002).

Sehubungan dengan itu, sesebuah teks karya yang dikaji bukan hanya dicipta daripada hasil kreatif seseorang pengarang tetapi berkait langsung dengan nilai sosial dan konteks ideologi yang meresap dalam diri mereka sebagai anggota masyarakat. Misalnya, pengarang tersebut berfikiran dan hidup dalam masyarakat yang konservatif, dan dilema sosial yang dialami oleh pengarang tersebut ialah agenda liberalisme yang diserap dalam masyarakatnya. Bagi pengkaji yang menggunakan pendekatan pembacaan Historisisme Baru dalam kajian kesusasteraan, penerokaan terhadap sosiobudaya teks yang merangkumi wacana sosial perkembangan liberalisme yang berlaku semasa novel *Daun* dihasilkan membantu dalam merungkai makna pengukuhan Islam yang disampaikan oleh Malim Ghozali P.K.

### **Novel *Daun* Karya Malim Ghozali P.K.**

Novel *Daun* karya Malim Ghozali P.K. yang diterbitkan pada tahun 2008 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dipilih sebagai bahan kajian yang relevan kerana terbit seiring perkembangan agenda liberalisme yang dijalankan secara strategik terutamanya di Asia Tenggara pada ketika itu. Sebuah buku yang bertajuk *Building Muslim Moderate Network* yang ditulis oleh Angle Rabasa, Cherry Bernard, Lowell H. Schwartz dan Peter Sickle telah diterbitkan pada tahun yang sama *Daun* dipasarkan di Malaysia. Melalui karya liberalisme yang dihasilkan, mereka merancang perpecahan umat Islam manakala novel *Daun* menurut penulisan Abdul Rahman Napiah (2017) merupakan sebuah kupasan pengarang dalam mencari bukti kebenaran agama Islam dan menentang perbahasan yang melanggar akidah. Penulisan buku *Building Moderate Muslim Network* ini bertujuan untuk membangunkan jaringan Muslim moderat yang menjadi tujuan

utama perisikan Amerika Syarikat dengan memecah-belahkan umat Islam. Isi dokumen ini mengandungi langkah-langkah membangunkan jaringan Muslim Moderat pro-Barat di seluruh dunia (Nor Saleha Mohd Salleh et al., 2021)

Menurut Angel Rabasa (2007) Amerika Syarikat merupakan perancang utama yang melahirkan golongan Muslim moderat di Asia Tenggara. Mereka menggunakan strategi yang sama seperti Perang Dingin, iaitu dengan membekalkan senjata dan wang kepada pihak penentang kerajaan di negara-negara yang berkonflik. Kesannya, mereka dapat mengawal kuasa negara-negara asing dan meminimumkan serangan langsung terhadap negara mereka sendiri. Amerika Syarikat telah menyediakan geran-geran khas untuk pembangunan Muslim moderat dan jaringan Muslim liberal agar fahaman radikalisme dapat diterapkan dalam masyarakat di Asia Tenggara secara lebih cepat dan teratur.

Novel *Daun* telah mengaitkan ajaran agama Islam yang tidak memisahkan diri dengan ilmu sains, mengkritik golongan pemerintah yang menggunakan agama Islam sebagai batu loncatan untuk kepentingan peribadi dan dikotomi kepercayaan Islam liberal yang disebarluaskan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Melihat kepada teknik penceritaan yang digunakan dalam novel *Daun* (2008), novel ini boleh dikategorikan sebagai sebuah wacana kreatif Melayu pascamoden yang melukiskan permasalahan besar masyarakat pada hari ini yang dapat dilihat dalam konteks mutakhir semasa novel ini ditulis dan masa hadapan, khususnya perubahan berkaitan dengan jati diri bangsa Melayu, cabaran agama Islam yang dihimpit pemikiran dan ideologi liberalisme dan fenomena politik Melayu semasa yang memperlihatkan agenda agama sebagai alat untuk mencapai kekuasaan. Novel *Daun* karya Malim Ghozali P.K. penuh dengan saranan dan kritikan terhadap fenomena yang berlaku dalam masyarakat, seterusnya menyanggah idealisme liberal yang semakin menular ketika itu.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan objektif yang ingin dicapai, makalah ini memfokuskan perkembangan liberalisme semasa novel ini dihasilkan. Seterusnya, kajian ini memperlihatkan dimensi politik yang menjadikan liberalisme menerima pengukuhan nilai. Akhir sekali, kajian ini memberikan jawapan bahawa ilmu wahyu dapat membawa kepada kebenaran daripada sudut sains.

Dalam novel *Daun* (2008), Malim Ghozali P.K. membawa pertanyaan berkaitan dengan identiti diri kepada pembaca. Dalam pembincangan

yang dilakukan, terdapat usaha untuk mendekonstruksi amalan masyarakat ketika itu. Aspek kontekstual seperti amalan budaya dan sistem sosial masyarakat yang dijelaskan dalam karyanya merupakan satu mimikri kepada situasi sosial pada tahun 2000 hingga 2010 misalnya keterbukaan dialog beragama, golongan pemimpin agama yang terpengaruh dalam agenda politik serta penambahan kumpulan liberalis yang cuba mencabar akidah dan syariah Islam.

Identiti yang tidak pernah tetap merupakan sebahagian daripada agenda liberalisme yang dikritik oleh pengarang dalam karya ini. Beliau berjaya memaparkan keterbukaan dialog agama antara mereka yang berpegang kepada Islam dengan pemikir dalam kalangan liberalis. Malim Ghazali P.K. menggambarkan dalam novelnya bahawa pihak berkuasa agama ketika itu cenderung memberikan pentas terbuka kepada liberalisme dalam menyampaikan hujahan tanpa mengambil sebarang tindakan perundangan. Situasi persidangan yang diutarakan oleh Malim Ghazali P.K. dalam novel ini merupakan satu peniruan atau mimikri kepada situasi semasa dalam masyarakat sewaktu novel ini diterbitkan seperti dalam teks oleh Malim Ghazali P.K. (2008:54):

Orang penuh sesak di dalam dewan. Cuma Sifar berasa sedikit kecewa. Ulama besar yang dijangka hadir, tidak kelihatan. Ada seorang pemimpin NGO agama yang agak muda duduk sebaris dengan Dr. Zaimah dan Dr. Humayun Kabeer. Orang ramai sudah maklum Dr. Zaimah tetap akan garang dan berang-berang dengan IDS, sementara Dr. Humayun Kabeer pasti akan menjajakan konsep penubuhan Sidang Antara Agama tajaannya. Apabila orang Melayu tidak lagi bercakap seperti orang Melayu naik ke pentas, disambut pula seorang yang bukan Melayu menyarankan sesuatu yang menyentuh jiwa Melayu, iaitu agamanya, orang ramai yang bersesak-sesak di dalam dewan sudah boleh mengagak – keadaan akan jadi cukup panas. Silap-silap boleh mendidih dan meletup. Sifar tahu orang ramai di dewan juga terbahagi kepada dua kem besar – yang tradisional – konvensional dan yang liberal. Dia tahu yang liberal akan menyokong AIDS Dr. Zaimah dan SAA Dr. Humayun Kabeer.

Situasi membenarkan pentas terbuka kepada golongan liberalis untuk menggambarkan wacana kebebasan beragama telah dinormalisasikan dalam kalangan masyarakat yang bersesuaian dengan konsep keterikatan kuasa yang diperkenalkan oleh Greenblatt (1989) melalui pendekatan

pembacaan Historisisme Baru, iaitu sesuatu kebudayaan mengalami cabaran dan sentiasa mengalami perubahan. Malim Ghazali P.K. melalui *Daun* melakukan kesejajaran makna dengan situasi kewujudan Forum Islam liberal yang berlaku pada bulan Mac 2005. Gerakan pertubuhan Sister in Islam (SIS) pada ketika itu telah membentuk badan bergabung yang dinamakan sebagai Forum Islam Liberal (FIL) yang berusaha untuk merealisasikan Islam liberal sebagai satu aliran yang diiktiraf di Malaysia pada sebuah pentas terbuka.

*Daun* digarap seiring aktiviti perkembangan Islam liberal di Malaysia terutamanya pada akhir 1990an dan di awal tahun 2000. Dalam *Daun*, Malim Ghazali P.K. mewujudkan kritikan terhadap serangan pemikiran liberalisme seperti ajaran kod-19, terjemahan al-Quran tanpa tulisan Arab serta isu poligami dan cabaran terhadap nilai fundemantalis dalam Islam. Wacana yang dibawa oleh Malim Ghazali P.K. dalam novel *Daun* adalah bertujuan untuk membalas pendekatan dan metode gerakan Islam liberal di Malaysia yang menggunakan pemikiran rasional dalam mentafsir nas-nas al-Quran dan hadis dalam membincangkan isu kontemporari. Pada hari ini, antara contoh gerakan Islam liberal kontemporari yang memperjuangkan pendekatan individualisme dalam beragama terdiri daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Sisters in Islam (SIS), G25 dan Islamic Renaissance Front (IRF) yang merupakan gerakan liberalis yang paling kehadapan bagi mendepani isu kontemporari dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia pada masa kini (Mohamad Kamil Abd Majid, 2012:123). Dalam penulisan Malim Ghazali P.K. (2008:202), beliau telah menzahirkan bantahan terhadap kenyataan liberalisme mentafsir al-Quran mengikut logik akal semata-mata.

Sifar menganggap “tersasar” masih boleh dimaafkan, itu pun kalau yang terasa bersalah memohon maaf. Bagaimana pula kalau yang “tersasar” itu sebenarnya sengaja “disasarkan”?

Mengapa tidak bertanya, kalau tidak tahu?

Mengapa memilih untuk hentam kromo?

Sifar berasa kupingnya kepanasan dengan jawapan YB Menteri di televisyen. Kepadanya sistem kepercayaan ialah buatan manusia – manusia buat manusia ikut, manakala agama ialah ciptaan Allah. Allah buat manusia ikut. Sistem kepercayaan dikarang oleh manusia, sedangkan agama ialah ilmu wahyu, ada nabi-nabi, ada para rasul dan ada pula kitabnya.

Malim Ghozali P.K. tidak bersetuju terhadap cendekiawan yang mentafsir al-Quran tanpa disiplin ilmu seterusnya membawa agenda yang bertentangan dengan kesepakatan jumah ‘ulama. Petikan ini menunjukkan *Daun* yang ditulis oleh Malim Ghozali P.K. sebagai tindakan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakatnya ketika era tersebut. Permasalahan liberalisme dalam masyarakat dilihat begitu serius sehingga satu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-74 telah diadakan pada 25 hingga 27 Julai 2006 dengan membincangkan “*Aliran Pemikiran Liberal: Hukum dan Implikasinya kepada Islam di Malaysia*”. Melalui muzakarah yang dijalankan, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan telah memutuskan bahawa kenyataan terhadap Islam yang dibuat berdasarkan akal atau rasional semata-mata adalah sesuatu yang sesat dan bertentangan daripada syariat Islam (Ahmad Yumni Abu Bakar et al., 2019)

*Daun* jika disusuri melalui konteks pensejarahan telah menyebelahi polisi dan ketetapan yang dibuat oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Tindakan Malim Ghozali P.K. meruntuhkan sempadan sejarah, teks dan konteks sejarah dan membawa representasi idea politik ulama fundamentalis Islam ketika itu yang menepati keperluan pembacaan Historisisme Baru. Malim Ghozali P.K. mengutarakan dalam karyanya bahawa terdapat kaedah khusus bagi menilai kebenaran ilmu. Menurut kenyataan beliau, kebenaran sesuatu ilmu tidak hanya berkaitan dengan fakta dan logik fikiran tetapi haruslah bersandarkan takwa dan keimanan seseorang. Manusia tidak boleh memaksa al-Quran untuk disesuaikan dengan kehendak mereka kerana al-Quran bukanlah karangan manusia tetapi firman Allah yang perlu difahami dengan lurus, seperti petikan novel oleh Malim Ghozali P.K. (2008:135):

Kepada Tan Da-U, keupayaan Lebai Poris bukan tanggung-tanggung. Dia memperagakan sifat-sifat ulama yang telah mencapai makna yang istimewa. Seperti ada cahaya yang terpancar daripada kebersihan jiwanya. Dia sopan santun dan tidak banyak bercakap kecuali perlu. Masanya dihabiskan mengajar di surau dan menelaah kitab-kitab. Dia memberatkan pencarian ilmu, yng kepadanya mempunyai perbezaan dengan maklumat. Kepadanya maklumat masih berlegar-legar di laut fakta, manakala ilmu pula berada di dimensi lain, yang turut menyangkut takwa dan keimanan.

Petikan tersebut seolah-olah merupakan satu interteks kepada realiti yang berlaku dalam masyarakatnya yang tidak memiliki pengetahuan tentang kewujudan Allah. Pemikiran Malim Ghozali P.K. memiliki sandaran

sebagaimana Syed Muhammad Naquib al-Attas (1998) yang menegaskan bahawa pengetahuan mengenai kewujudan Allah S.W.T. sebenarnya bertitik-tolak daripada kesediaan jiwa manusia sebelum dilahirkan di dunia, iaitu di alam barzakh, iaitu ia telah mngenal dan memberi kesaksian akan keesaan Allah. Oleh itu, wacana yang dikeluarkan oleh Malim Ghozali P.K. dalam karyanya memperlihatkan ideologi beliau terhadap realiti kebenaran tidak terhad kepada fakta tetapi bersangkutan dengan penyerahan diri kepada Tuhan.

Kritikan Malim Ghozali P.K. terhadap kaedah hermeneutik yang diutarakan dalam naskhah *Daun* secara tepat telah menegur kenyataan Dr Mun'im Sirry ketika sesi dialog "Scriptural Polemics: The Quran and Other Religions" anjuran dua Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), iaitu Islamic Renaissance Front (IRF) dan G25 pada 20 Ogos 2017. Biarpun kenyataan Dr. Mun'im Sirry dilihat baharu, Historisisme Baru melihat karya sebagai mempunyai perkaitan dengan isu-isu kebudayaan terbaharu. Oleh itu, *Daun* sebagai satu artifak masa silam dilihat mempunyai kaitan dan dapat diberikan pemaknaan berdasarkan konteks semasa. Dalam sesi dialog tersebut, Dr. Mun'im Sirry telah mendakwa bahawa al-Quran tidak relevan dan turun di Mesopotamia. Polemik ini telah mencetuskan fenomena bantahan dalam kalangan pelbagai pihak dan NGO Islam seperti Mufti Perlis, Dr Asri Zainul Abidin yang seketika itu di atas pentas yang sama bersama-sama dengan Dr Mun'im. Jabatan Agama Negeri dan Persekutuan termasuk Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melalui surat terbuka oleh Ketua Pengarah JAKIM ketika itu, iaitu Tan Sri Dato Othman Haji Mustafa, telah menyuarakan bantahan keras (JAKIM, 2017). Realiti yang berlaku menunjukkan keterbukaan perbincangan agenda liberalisme telah berlaku di peringkat yang lebih tinggi dan mencabar agenda pemikiran Islam tradisional yang menetapkan Islam liberal tidak diterima di Malaysia. Malim Ghozali P.K. (2008:58) dalam *Daun* sekali lagi berjaya mengungkapkan isu menggagaskan platform rasmi liberalisme yang berlaku sekitar 2005 apabila sebuah idea untuk menubuhkan Suruhanjaya Antara Agama Malaysia (IFC) disuarakan sewaktu persidangan mengenai kebebasan beragama yang dianjurkan oleh Majlis Peguam Malaysia.

Humayun Kabeer membentangkan kertasnya hampir empat puluh minit. Namun tidak banyak fakta baru berbanding apa yang sudah dibaca dan didebatkan umum. Tidak juga berbeza dengan tulisan-tulisan yang pernah disorot Sifar di akhbar-akhbar. Pendeknya inti pati dari usulnya adalah untuk mendesak kerajaan membangunkan suatu

platform rasmi, kerana mengikutnya, semua agama boleh bersendeng bahu dan dipimpin seseorang, yang juga dilantik secara rasmi.

Historisisme Baru berfungsi dengan menetengahkan makna marginal yang sebelum ini tidak dilihat penting dalam sesebuah maklumat umum. Isu membawa platform rasmi sebagaimana diketengahkan oleh Malim Ghozali P.K. ialah sesuatu tujahan ideologi Malim berkaitan dengan situasi dalam dekad tersebut. Majlis Perundingan Agama Budha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS) telah menyerahkan memorandum kepada jawatankuasa Hak Asasi Manusia Majlis Peguam. Jawatankuasa tersebut kemudiannya menyediakan draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Antara Agama Malaysia yang antara lain menyatakan tujuan utama IFC adalah untuk “menggala dan memelihara kebebasan berfikir, beragama dan suara hati setiap individu” berdasarkan seksyen 4(1)(a) “Point of Agreement Towards the Formation of an Inter-Religious Council Workshop” bertarikh 17 Mei 2003.

Dalam *Daun*, Malim Ghozali telah memberikan pemaknaan baharu pemikiran Islam yang menolak peranan liberalisme kerana konsep kebebasan berfikir dan beragama yang diperkenalkan oleh golongan liberalisme adalah antitesis kepada konsep ketauhidan yang diperkenalkan oleh Islam. Sehubungan dengan itu, Malim Ghozali P.K. (2008:258) mengembalikan semula gagasan pemikiran Islam yang tidak pernah berubah, iaitu konsep ketauhidan.

Sifar menganggap orang-orang seperti Dr. Zaimah, Dr. Zaidah dan Hamayun Kabeer termasuk dalam kalangan “cakap lebih, ilmu kurang”. Siang malam berkokok mengenai keadilan dan kebebasan beragama serta kesamarataan gender tetapi mengetepikan hal-hal pokok dalam agama Islam itu sendiri. Adakah al-Quran dapat ditelaah menerusi logik akal semata-mata?

Dalam surah *al-Ikhlās*, Allah SWT menegaskan mengenai keesaan Allah SWT (Ahad) dan al-Samad (Kekal Abadi, kewujudan-Nya tidak bergantung kepada makhluk) dan seterusnya Allah SWT tidak beranak dan tidak diperanakkan (*lam yalid walam yulad*) dan tiada sesuatu pun yang dapat menandingi-Nya (*walam yakun lahu kufuwan ahad*). Empat petikan ayat daripada surah al-Ikhlās ini sebenarnya telah menolak konsep trinita, politeisme, panteisme, panentesisme, anak Tuhan, animisme, inkarnasi, pluralisme ataupun monoisme (Khalif Muammar A. Harris, 2015:137)

Melalui wacana balas yang dilontarkan oleh Malim Ghozali P.K. dalam *Daun*, terdapat banyak cabaran liberalisme yang dipaparkan dengan baik

oleh beliau antaranya gerakan antipoligami dengan menggunakan metode kontekstual dengan mengadakan penolakan terhadap poligami. Mereka mengatakan penurunan ayat berkaitan dengan poligami hanyalah ketika berlakunya Perang Uhud kerana ramai orang lelaki terbunuh ketika itu. Maka golongan liberalisme mengatakan terdapat keperluan untuk anak-anak dan golongan wanita untuk mendapatkan perlindungan daripada lelaki dewasa, seperti dalam wacana balas oleh Malim Ghazali P.K. (2008:260):

Dulu mereka menganjurkan gerakan satu suami satu isteri bagi masyarakat Muslimin. Kononnya bagi menjamin kerukunan dan keutuhan rumah tangga. Nauzubillah... ini secara terang-terang menolak al-Quran. Islam apa ni? Sibuk naik pentas di sana sini semata-mata untuk menentang firman Allah. Mujurlah MAFAN bertindak cepat dan menasihatkan Perdana Menteri untuk memberhentikan gerakan songsang itu serta-merta. Semangat kumpulan itu yang sudah mula menggelembung, kecut semula, macam belon terlepas angin.

Novel *Daun* membawa pemikiran pembaca terhadap usaha liberalisme dalam mentafsirkan al-Quran mengikut metodologi hermeneutika Barat serta isu berkaitan dengan terjemahan al-Quran yang dilakukan secara transliterasi. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-24 yang bersidang pada 5 hingga 6 Jun 1989 telah membincangkan “Penulisan Ayat-ayat al-Quran dengan Huruf Roman” dan telah mengeluarkan fatwa bahawa mana-mana bahagian daripada ayat al-Quran adalah haram ditulis atau digunakan dengan tulisan yang bukan huruf Arab atau bukan tulisan Al-Quran, seperti dalam wacana balas oleh Malim Ghazali P.K. (2008:28):

Cuma sedikit sebanyak dia ada bercerita tentang seorang guru agama yang berasal dari Indonesia yang kini menetap di Singapura. Tidak banyak yang diceritakan mengenai kandungan pelajarannya, kecuali menyebutkan kumpulan itu mempunyai sebuah al-Quran yang ditulis dalam bahasa Melayu Rumi sepenuhnya.

Novel *Daun* menzahirkan usaha Malim Ghazali P.K. dalam mempertahankan kredibiliti ulama dengan menjelaskan bahawa bagaimana golongan liberal berusaha meruntuhkan autoriti ilmu dan para ulama dengan memberikan pelbagai persepsi buruk kepada agamawan dan ulama silam Ahli Sunnah wal Jama'ah (ASWJ). Hal ini bertujuan agar mereka dapat memberikan tafsiran baru yang bebas terhadap ajaran agama Islam tanpa terikat dengan autoriti ilmu dan ulama serta tradisi ASWJ, termasuklah



dengan menggunakan kaedah tafsir hermeneutika terhadap al-Quran dan menolak hadis sebagai sumber hukum (Quraniyyun). Pendekatan ini secara tidak langsung turut disokong oleh kelompok tajdid dan anti mazhab. Antara petikan wacana balas dalam novel oleh Malim Ghozali P.K. (2008:26) yang membincangkan perkara ini:

Jangan tanya aku... lihat sekarang... adakah pandangan ulama dipakai? Atau kalau diminta pun, hanya buat syarat, buat lepas batuk di tangga. Lihat apa dah jadi dengan Ustaz Kinin dulu? Buka mulut sikit saja, bertalu-talu kena hentam.

Dalam *Daun*, Malim Ghozali P.K. telah menyatakan perkaitan golongan liberalisme terhadap usaha kawal selia perundangan Islam dan cubaan meruntuhkan peranan institusi beraja. Satu intertekstualiti peristiwa berkaitan dengan memorandum daripada MCCBCHST mencadangkan penubuhan Inter-Religious Council (IRC) yang akan bertindak sebagai badan berkanun yang mempunyai kuasa undang-undang yang boleh mengubah ajaran sesuatu agama adalah sebahagian daripada kesedaran Malim Ghozali P.K. terhadap satu cerminan kepada masyarakatnya ketika itu. Antara perkara yang disebutkan dalam memorandum tersebut ialah Islam tidak menjadi pilihan pertama masyarakat Malaysia seperti dalam soal pakaian menutup aurat kepada pelajar sekolah (Ahmad Redzuan Mohamad et. al., 2017), sekali gus merendahkan peranan Jabatan Agama Islam dan Raja-Raja Melayu. Malim Ghozali P.K. (2008:61) memberikan wacana balas terhadap perkara ini melalui petikan:

Dr. Zaimah cepat-cepat merampas kesempatan itu, lalu semacam mencabar hadirin, mengesahkan sikap beliau yang antagonistik.

“Hari ini orang Melayu jadi melarat disebabkan oleh orang melayu ... bukan inter tetapi intra dan juga disebabkan oleh over-subservience mereka kepada raja dan ulama!”

Wacana cabaran liberalisme yang dikemukakan oleh Malim Ghozali P.K. menepati ciri dekonstruktif yang dinyatakan oleh Historisisme Baru kerana beliau memperlihatkan bagaimana ideologi budaya (tradisi Islam) menjadi anjal disebabkan oleh faktor-faktor persekitaran yang berusaha menjadi lebih dominan. Wujud pelbagai dakwaan yang menyifatkan Islam ialah agama yang mundur dan terdapat keperluan untuk merombak hukum dan makna keterangan yang disyariatkan kepada umat Islam. Hasilnya, keobjektifan sejarah menjadi anjal. Malim Ghozali P.K. berjaya

membawa pemikiran-pemikiran masyarakat ketika novel ini ditulis dengan meletakkan faktor pascamodenisme sebagai punca keruntuhan struktur binari yang menjadi akar kekuatan pemikiran konvensional Islam.

### **Al-Quran dan Unsur-unsur Saintifik**

Dalam konteks ini, Islam merupakan agama yang lengkap dan merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Hal ini berbeza dengan pandangan dan sikap orientalis yang menganggap Islam sebagai ajaran yang didapati melalui kitab suci al-Quran yang mengandungi unsur yang pelik, ganjil dan bertentangan dengan logik akal manusia. Malim Ghozali P.K. memperlihatkan sikap Barat yang memisahkan sains dengan agama berbeza berbanding kaedah Islam. Sains dan teknologi moden buatan barat berbentuk monopoli pengetahuan tentang kekuasaan alam semula jadi yang bebas daripada semua bentuk pengetahuan yang tinggi (Seyyed Hossein Nasr, 1994), kenyataan ini telah dilihat seiring dengan Malim Ghozali P.K. (2008:195):

Sudah tentulah beliau tidak berminat terhadap jawapan saya. Tak mengapalah, sekurang-kurangnya pandangan itu tidak seburuk pegangan yang muncul dan berkembang di Barat, yang langsung memisahkan “sains dan agama”.

Setelah menimbulkan polemik berkaitan dengan disiplin sains berdasarkan sudut pandangan agama Islam dan Barat, Malim Ghozali P.K. seterusnya memberikan jawapan beliau melalui kredibiliti al-Quran dalam menerangkan kejadian alam yang seiring dengan bukti perubatan yang memperlihatkan bukti selari yang dapat diguna pakai dalam bukti saintifik. Hal ini antara anjakan makna yang diberikan oleh Malim Ghozali P.K.(2008:197) dalam membawa polemik berkaitan disiplin keilmuan:

Lakukanlah ujian dan tunjukkanlah mana satukah ayat atau surah dalam al-Quran yang bertentangan dan tidak serasi dengan sains? Al-Quran memperjelas fenomena-fenomena sains dan fizik, jauh sebelum sebarang penemuan mengenainya berlaku di Barat. Sorotilah The bible, al-Quran and Science karya Maurice Bucaille dan karya-karya Harun Yahya untuk menghayati kebenaran yang diungkapkan oleh al-Quran. Kalau benar begitu, dan kalau jelas fenomen-fenomena alam dapat dihuraikan oleh al-Quran, termasuklah kejadian manusia itu sendiri (Surah al-Mu'minin, ayat 12–14) yang boleh diuji menerusi

sains hayat dan dibuktikan pula oleh perubatan moden, apa pula yang silapnya dengan “All living things are created by God”?

Menerusi ayat-ayat (12-14) al-Quran menghuraikan tujuh tahap kejadian manusia; daripada “sulalah min tiin” (rangkaian tanah asal) hinggalah kepada “khalqan akhar” (makhluk yang asing). Di mana sains hayat dan perubatan moden dengan bantuan peralatan yang canggih baru saja menemui tahap-tahap tersebut, al-Quran sudah memperjelas semuanya 1427 tahun lalu.

Berdasarkan hujahan tersebut, Malim Ghazali P.K. menjelaskan bahawa Islam memberikan tempat yang sewajarnya kepada akal fikiran dan keupayaan al-Quran dalam mengungkapkan proses penciptaan melalui sudut saintifik. Walau bagaimanapun, pegangan ini berbeza berbanding rasionalisme Barat yang menjadi pegangan liberal dan modenis. Kedudukan akal dalam Islam telah dijelaskan oleh al-Ghazali (1983) antara lain yang mengatakan:

Akal itu umpama penglihatan yang selamat dari cacat cela, dan al-Quran itu umpama matahari yang menyinari jaga raya, dengan keduanya seserorang itu dapat memperoleh hidayah. Seorang yang mengambil salah satunya tergolong dalam orang-orang yang bodoh, orang yang menolak akal hanya cukup dengan Cahaya al-Quran sama dengan kedudukannya dengan orang yang mendapatkan cahaya matahari tetapi menutup mata, maka tidaklah berbeza dia dengan orang yang buta. Maka akal dengan Shara' adalah cahaya di atas cahaya.

Kebenaran perlu dilihat secara menyeluruh, tidak hanya berdasarkan logik pemikiran manusia. Individu yang mencari kebenaran perlu melalui disiplin pengajian al-Quran sebenar agar tidak merendah-rendahkan fungsi Islam sebagai agama yang bersifat sarwajagat. Selain menganggap pemikiran liberalisme sebagai usaha mengancam kredibiliti Islam dalam bidang sains, Malim Ghazali P.K. (2008:253) dalam *Daun* turut membawa gagasan agar umat Islam kembali menguasai ilmu sains dan teknologi sebagai saluran untuk mencapai kemajuan dan pemodenan.

Pada titik ini, umat Islam di seluruh dunia sedang dibuli, dihina dan wajah Islam diburuk-burukkan. Umat Islam telah mengalami kebencian melulu, dan dalam masa yang sama kekal dalam kekalutan sosial, ekonomi dan politik yang tidak kunjung padam. Islam dengna sistem hidupnya yang sempurna memerlukan kebangkitan, bukan saja bertujuan memartabatkan imej bahkan juga untuk mengangkat rasa

hormat terhadapnya dalam kalangan pencari kebenaran. Janganlah menganggap ia sebagai penjenamaan semula oleh sebab dalam konteks Islam, ini hanya mengundang kehancuran. Umat manusia harus diberitahu mengenai kebenaran, bukan saja menerusi kata-kata dan kajian komparatif serta logik manusiawi, tetapi secara saintifik.

Berdasarkan ayat tersebut, jelas bahawa Malim Ghozali P.K. berusaha memberikan pandangan tentang betapa pentingnya untuk kembali kepada al-Quran dan sunah dengan melakukan kajian saintifik bagi menghadapi pertikaian antara umat Islam berkaitan dengan kemajuan moden agar golongan cendekiawan Islam dapat melontarkan ilmu-ilmu yang dapat diguna pakai dalam menghadapi fitnah bahawa kitab al-Quran tidak mampu membahaskan bidang sains dan tekonologi. Inovasi sains Islam haruslah berupaya mengatasi masalah dalam kehidupan tetapi haruslah harmoni dengan keadaan alam sekeliling berlandaskan etika Islam. Oleh itu, di sini letaknya kekuatan saintifik yang dijalankan oleh saintis-saintis Islam. Malim Ghozali P.K. telah kembali kepada sejarah untuk menjawab dakwaan yang dilontarkan pengikut liberalisme yang menyatakan bahawa Islam tidak relevan dalam membicarakan sains dan tekonologi. Hal ini demikian kerana saintis Islam yang lampau telah membuktikan bahawa mereka telah merintis pelbagai kemajuan teknologi yang memudahkan kehidupan. Antara wacana balas dalam *Daun* (Malim Ghozali P.K., 2008:238):

Sejak ufuk tamadun, sains telah meneroka penemuan demi penemuan, dan banyak membantu membina budaya. Namun, ada banyak lagi rahsia yang lebih hebat tersembunyi dalam al-Quran. Pengkaji-pengkaji sains masa lampau seperti Abdullah Abu Musa al-Khawarizmi misalnya telah memperkenalkan logaritma. Penemuan tersebut telah membuka segala macam rantaian aplikasi dalam bidang sains dan kejuruteraan. Namun, ia masih merupakan persamaan di lilitan bulatan sahaja. Hakikat apa yang berlaku di dalam bulatan itu masih terselindung. Pemahaman persamaan ini secara lebih lengkap misalnya, akan membolehkan kita memperbaiki teknologi.

Melalui kenyataan tersebut, jelas bahawa sains dan Islam tidak boleh dipisahkan. Perbezaan antara Islam dengan barat ialah Islam melihat segala penemuan haruslah bersandarkan kepada ketauhidan kepada Allah tetapi Barat melihat logik akal sebagai keutamaan. Tanpa memperkenalkan algebra, sudah tentu umat Islam mengalami kesukaran dalam menjalankan pengurusan harta pusaka dan perniagaan. Orientasi pemikiran Islam lebih

indah dan terarah kerana melahirkan umat Islam yang mempunyai tradisi keilmuan yang tinggi dan ketaqwaan kepada Allah. Umat Islam yang mempunyai minda sebegini tidak mengehadkan ilmu dengan hanya apa yang diperolehi melalui cerapan berdasarkan akal manusia semata-mata tetapi juga melangkaui ilmu Allah yang kadang kala tidak boleh dicerap menggunakan pancaindera dan akal yang saintifik tetapi hanya melalui keyakinan yang tinggi kepada Allah. Ilmu yang mendasari konsep sains tauhid tidak terbatas dengan penemuan akal manusia secara fizikal tetapi juga melalui pembacaan ilmu Allah yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah. Akhirnya, ilmu tersebut dapat mengenalkan manusia kepada Allah sebagai Pencipta yang Maha Agung, seperti yang dinyatakan oleh Malim Ghozali P.K. (2008:238):

Barat telah terlalu lama menggali dan menimba sewenang-wenangnya dari sumur ilmu dan tamadun Islam dan mengurai serta mentakrifkannya secara semberono. Entah bagaimana dan di titik mana di sepanjang koridor sejarah, umat Islam yang pada satu masa dulu menjadi penunjuk arah dalam segala bentuk keilmuan dan pengetahuan telah tersungkur. Kita tidak lagi boleh terus-menerus berselindung di sebalik nostalgia, hingga terlina di lipatan! Pusat ilmu tidak pernah berganjak daripada teduhan pemerintahan Islam; Madinah, Baghdad, Damsyiq dan Iskandariah masing-masing telah menyumbang terhadap pembinaan peradaban yang muluk-muluk. Siapa tahu, suatu masa nanti Kuala Lumpur akan menjelma sebagai paksi ilmu pengetahuan dan penemuan sejagat.

Kenyataan Malim Ghozali P.K. merupakan satu pembuktian sejarah bahawa Islam mempunyai tradisi keilmuan yang panjang. Asy'ari Hashim (2018) menjelaskan bahawa ahli sains pada hari ini memiliki perkaitan langsung dengan ahli akademik Islam terdahulu, oleh itu, adalah tidak adil untuk pihak liberalisme ketika itu meletakkan Islam sebagai agama yang mundur dan membawa kekacauan:

*They became chemists, doctors, astronomers, mathematicians, geographers, other Muslim experts, not only reviving the Greek scientific disciplines, but expanding their reach, laying and strengthening the foundations, the foundation for the publication of modern science. History records that there are places and processes that influence Western thought and science by Islamic thought and science, namely: Andalusia (Spain), Shaqalliyah (Sicily), the Crusades in Syria and its surroundings. Islamic civilization entered Europe through these three routes.*

## Dimensi Politik Menyuburkan Islam Liberal

Menurut Kurzman (1999), Islam liberal dilihat lebih terbuka terhadap idea-idea demokrasi, pengasingan agama daripada politik, menuntut hak-hak wanita, meraikan kebebasan berfikir dan melihat agama sebagai pembawa kepada perkembangan yang diinginkan individu. Tafsiran ini tidak terhad kepada ciri-ciri liberalisme dalam Islam tetapi turut dibawa dalam budaya dan agama lain. Interaksi yang timbul antara Muslim dengan bukan Muslim dalam sesebuah negara majmuk menyebabkan berlakunya timbang tara seterusnya membawa tuntutan yang mencabar syariah Islam. Misalnya, kenyataan yang dikeluarkan oleh Sisters in Islam (SIS) (2005) yang menyatakan bahawa pihak liberalisme telah membahaskan etika berpakaian dan pergaulan sebagai pilihan individu yang tidak boleh dipertikaikan oleh hukum-hakam agama.

Kempen sekularisasi yang membawa hujah individu merupakan motif utama perkembangan Islam liberal sekitar awal tahun 2000 yang telah menjadi proksi Barat Gerakan liberalisme di Malaysia sebenarnya melaksanakan agenda Barat. Pertubuhan-pertubuhan ini telah mendapat dana dan pembiayaan daripada Konsulat Barat dan National Endowment for Democracy (NED). Pertubuhan tersebut merupakan sebuah badan swasta antarabangsa yang menyalurkan dana kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan di seluruh dunia bagi tujuan menjaga keutuhan demokrasi di negara-negara dunia. Setakat ini NED telah mengeluarkan lebih kurang 1600 geran di seluruh dunia (Norsaleha Mohd Salleh et al., 2021). Malim Ghozali P.K. telah menzahirkan intertekstualiti atau ideologi beliau sendiri dengan menentang kebobrokan pemikiran liberalisme yang berlaku dalam masyarakatnya ketika itu. Dasar Historisisme Baru melihat idea teks sebagai makna yang disampaikan pengarang berdasarkan situasi semasa karya itu ditulis, dan memperlihatkan hasrat *Daun* untuk menjadi kayu ukur kepada dilema Islam dalam masyarakat pada dekad pertama tahun 2000. Malim Ghozali P.K. (2008:257) melihat golongan intelektual Islam liberalisme telah menyebarkan ideologi yang merumitkan agenda Islam sebenar:

*Yang lebih menyakitkan hati Sifar, sebuah akhbar berbahasa Inggeris menemu bual Dr. Zaidah serta memberikan satu muka penuh surat khabar, lebih mengelirukan, beliau ditemu bual oleh seorang yang dianggap agamawan oleh masyarakat Islam setempat. Ada PhD dalam bidang syariah dari university di Damsyik, dan menjadi editor sebuah majalah. Anehnya idea-ideanya banyak bercanggah dengan*

*pandangan ulama mutabar. Semua orang dipersalahkannya. Hanya dia seorang sajalah yang pandai dan betul. Dr. Zaidah diberikan peluang menghentam pembentang-pembentang kertas kerja sepuas-puasnya. Dan Sifar merasakan dirinya yang paling teruk dilanyak. Dia turut diberikan label “penceroboh agama-agama dunia”, dan tuduhnya lagi Sifar telah melakukan jenayah sosial yang serius dan boleh diambil tindakan di mahkamah.*

Malim Ghozali P.K. melihat kewujudan pelbagai kumpulan liberal ketika itu cuba membawa naratif hak kebebasan beragama dari sudut pandangan sekular liberal serta liberal Islam menyifatkan ajaran Islam tradisional sebagai ekstrem melalui petikan “penceroboh agama-agama dunia”. Hal ini demikian kerana liberalisme menganggap Islam menjejaskan hak atau kepentingan beragama kaum-kaum lain di Malaysia. Buktinya dapat dilihat apabila Kumpulan Artikel 11 yang terdiri daripada 13 Pertubuhan Bukan Kerajaan di Malaysia ini mula berkempen secara aktif untuk menggalakkan kebebasan beragama di Malaysia atas dasar menegakkan Perlembagaan Persekutuan (Badan Peguam Malaysia, 2006). Kumpulan ini menolak diskriminasi individu dan mahukan dasar beragama yang bebas dari sudut berjantina dan kebebasan berfikir setiap individu (Badan Peguam Malaysia, 2006). Malim Ghozali P.K. (2008:62) melihat tidak banyak teguran yang diberikan kepada pihak liberalis terutamanya dari sudut perundangan dalam membenteras serangan pemikiran liberalisme yang merosakkan akidah umat Islam:

*Para hadirin, terutama yang menyokong NGO tersebut dan mengharapkan ulama muda membalas tembakan-tembakan Humayun Kabeer dan Dr. Zaimah, ternyata kecewa. Beliau langsung tidak menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh kedua-dua pembenteng terawal, tetapi sebaliknya memberikan gambaran umum mengenai isu-isu semasa dan memberikan versi beliau mengenai apa yang bakal terjadi sekiranya isu-isu tersebut tidak ditangani dengan cekap, isu-isu tersebut meliputi pendidikan, undang-undang keluarga Islam serta kurangnya usaha-usaha dakwah serta peripentingnya ditingkatkan kerja-kerja tarbiah dalam kalangan saudara baru. Cuma terdapat satu perkara yang dibangkitkan menampakkan keberaniannya. Dia menyerang usaha kepimpinan parti pemerintah mengucar-ngacirkan pentadbiran sekolah-sekolah agama rakyat yang secara halus menekankan nilai-nilai kepartian ke dalam pentadbiran masjid dan surau.*

Dalam *Daun*, Malim Ghozali P.K. telah memberikan teguran kepada pihak berkuasa agama agar memainkan peranan serius dalam menjawab hujahan liberalisme dengan menggunakan tradisi ilmu dan berani menjawab hujah dengan baik. Pada tahun 2005, pihak berkuasa tempatan telah diberikan tekanan oleh golongan liberalis apabila pertubuhan-pertubuhan hak asasi manusia yang diketuai oleh Sisters in Islam telah melancarkan kempen Anti Kawalan Moral yang menyasarkan bidang kuasa pihak berkuasa agama dan kerajaan tempatan. Kempen ini dilancarkan setelah penguatkuasa Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) menahan 100 orang pengunjung kelab malam Zouk di Kuala Lumpur yang melakukan pelbagai kesalahan antaranya meminum arak dan berpakaian tidak sopan (Marzuki Mohamad, 2009).

Perkara ini merupakan sebahagian daripada cabaran bagi membendung liberalisme di Malaysia. Tiada akta langsung yang membolehkan penyebaran idea liberalisme ini dihalang di Malaysia. Berbeza dengan kumpulan ajaran sesat, di mana majoriti akta agama negeri dan Perlembagaan Persekutuan Malaysia mempunyai bidang kuasa untuk mengharamkan ajaran sesat. Walau bagaimanapun, hal ini berbeza bagi membendung idea liberalisme di mana kelompok liberalisme berselindung di sebalik kumpulan-kumpulan Islam yang lain. Perkara ini sukar untuk dibendung kerana idea liberalisme ini kebanyakannya disebarikan secara halus sama ada melalui penulisan, wacana, mahupun media. Hal ini berbeza dengan ajaran sesat di mana jelas berkenaan kesesatan akidah kepercayaan mahupun amalan yang memudahkan jawatankuasa fatwa mengharamkan sesuatu kumpulan ajaran sesat. Malah, terdapat juga kumpulan dan individu yang mendukung idea liberalisme berselindung di sebalik gerakan Islam yang berpengaruh, parti politik, mahupun pemerintah. Tambahan lagi, kelompok liberalisme ini sering melaungkan bahawa mereka bersuara atas sebab hak kebebasan asasi seperti yang telah dianjurkan dalam perkara lima hingga 13 Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Ibrahim Majdi Mohamad Kamil et al., 2022).

Dalam novel *Daun*, Malim Ghozali P.K. telah membawa dilema masyarakat apabila agama menjadi senjata kepada kekuasaan politik. Golongan professional agama dan pemerintah yang tidak menyatakan pendirian teguh kepada isu liberalisme tetapi memilih jalan selamat untuk menjaga kepentingan peribadi. Menerusi *Daun*, Malim Ghozali P.K. (2008:201) telah menyelar kenyataan Menteri yang menjaga portfolio Agama yang tidak serius terhadap isu pluralisme beragama yang dimainkan oleh menteri-menteri Melayu ketika itu:



“Apa pendapat Dato’ Seri mengenai ada dua Menteri yang berpendapat asal beragama sudah cukup, oleh sebab semua agama mengajar kebaikan?”

Ternyata soalan pengacara program tidak ada dalam senarai soalan yang telah diberikan terlebih dahulu kepada penasihat agama. Nampak berkerut mukanya apabila soalan itu diajukan kepadanya.

“Dalam negara majmuk, perlembagaan menjamin kebebasan beragama, walau status Islam termaktub ssebagai agama rasmi negara...”

“Tapi Dato’ Seri, yang membuat kenyataan itu adalah Menteri-menteri Melayu dan beragama Islam...?”

Keterlibatan golongan politik dalam pertubuhan liberalisme bukanlah satu perkara yang baharu. DYMM Sultan Selangor pernah menzahirkan rasa dukacita terhadap tuntutan golongan liberal, yang turut mendapat sokongan daripada segelintir pemimpin beragama Islam, sedangkan pemikiran liberal ini jelas bertentangan dengan ajaran Islam sebenar. Baginda tidak mahu Selangor menjadi pusat liberalisme dan meminta Jabatan Agama menanganinya dengan segera. Menurut DYMM Sultan Selangor, ancaman liberalisme ini perlu dijelaskan dan ditangani secara serius oleh umat Islam di Malaysia, khususnya di Selangor, kerana telah wujud cubaan daripada golongan liberal untuk meruntuhkan institusi Islam (Ruwaida Md. Zain, 2018). Perbincangan yang diusulkan oleh Malim Ghozali P.K. (2008:36) menyifatkan bahawa terdapat individu berpengaruh yang membolehkan tindak-tanduk gerakan liberalis ini berterusan:

Sudah lama Tan Da-U melihat Agoeselim sebagai ancaman baru bangsanya. Andaiannya diperkukuhkan dengan tindak-tanduk Agoeselim sejak akhir-akhir ini. Di selalu saja mencari-cari isu yang menimbulkan kontroversi. Walau Imam Hathir sudah tidak dipedulikan orang lagi, Agoeselim tetap menganggap dirinya sebagai protégé beliau. Tan Da-U memahami hubungan itu. Tanpa sokongan kuat Imam Hathir ketika dia berkuasa, tidak mungkin Agoeselim mampu bertahan lama, apalagi bebas bercakap hal-hal yang bertentangan dengan akidah.

Kewujudan individu dan kelompok liberalisme adalah disebabkan kerana mereka mendapat sokongan dari pemerintah dan parti-parti politik. Sebagai contoh, semenjak awal penubuhannya, SIS merupakan satu daripada gerakan yang memperjuangkan feminisme Islam yang diasaskan

oleh anak kepada salah seorang bekas Perdana Menteri. Malah, terdapat program-program yang dianjurkan SIS mendapat sokongan daripada pihak kerajaan, parti politik dan NGO yang lain. Contoh kedua ialah gerakan G25. Seperti yang telah dibincangkan dalam subtopik yang sama, kumpulan G25 telah mencabar dan mencadangkan supaya JAKIM dimansuhkan dan telah mencadangkan hukuman khalwat dan beberapa undang-undang Islam lain disemak semula. Hal ini jelas menonjolkan idea-idea liberalisme dalam gerakan G25. Walau bagaimanapun, tiada tindakan tegas oleh pihak yang berautoriti terhadap gerakan G25 kerana G25 dibentuk oleh bekas pegawai-pegawai tinggi kerajaan dan individu-individu yang berpengaruh dalam masyarakat (Ibrahim Majdi Mohamad Kamil et al., 2022). Tambah menyukarkan, mereka yang mendukung idea liberalisme juga terdiri daripada golongan masyarakat elit, maka wujud beberapa kesukaran untuk membentaras idea liberalisme daripada dibiakkan dalam kalangan masyarakat biarpun idea tersebut difatwakan sesat atau menyeleweng.

## KESIMPULAN

Penelitian terhadap novel *Daun* menyingkap peristiwa penting pada zaman novel ini ditulis bagi memberikan pemaknaan baharu terhadap dikotomi Islam liberal yang ditimbulkan oleh pengarang. Pada awal tahun 2000, terdapat usaha ketara yang dijalankan oleh golongan intelektual sekular bagi mengelirukan umat Islam dengan menolak pemikiran fundemantalis Islam melalui penerapan unsur individualistik dan semangat kebebasan beragama. Kemelut identiti Islam yang melanda sosiobudaya pengarang sewaktu karya ini ditulis merupakan unsur halangan (*constraint*) bagi pemikiran fundemantalis Islam manakala pergerakan budaya (*mobility*) yang didukung oleh pengarang merupakan jihad keintelektualan yang cuba dijelmakan bagi memberikan gambaran penting tentang kebenaran Islam untuk diketengahkan daripada sudut metodologi keilmuan dan saintifik yang selari dengan syariat Islam. Terdapat tiga perkara yang dijelaskan dalam makalah ini, iaitu (i) Malim Ghazali P.K. dalam naskhah beliau memaparkan usaha liberalisme dalam mengelirukan Islam melalui serangan pemikiran secara terbuka, (ii) liberalisme diberikan sokongan oleh sesetengah pemimpin politik dan (iii) jawapan kepada permasalahan sains dari sudut Islam yang sebelumnya menganggap Islam tidak memiliki keupayaan dalam membahaskan ilmu saintifik dan kemajuan teknologi. Analisis ini juga menunjukkan pemaknaan lama yang menyifatkan Islam

sebagai agama yang ekstrem dan tidak bersifat menyeluruh berjaya diruntuhkan dengan makna baharu yang sesuai menjernihkan naratif yang cuba dibawa oleh pemikiran liberalisme. Jawapan balas terhadap pemikiran liberalisme ini akan terus berlaku pada masa akan datang kerana terdapat faktor budaya yang akan mempengaruhi sesuatu pemaknaan yang dihasilkan oleh pengarang sesuai dengan ideologi serta latar masyarakat ketika karya itu ditulis.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan penghargaan kepada Akademi Pengajian Melayu atas bimbingan serta komitmen keseluruhan yang diberikan dalam membantu menyiapkan keseluruhan penyelidikan ini. Penghargaan juga diberikan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka atas penerbitan makalah ini.

## **PENDANAAN**

Penerbitan makalah ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

## **PENYATAAN KETERSEDIAAN DATA**

Data yang menyokong kajian tersedia dalam makalah ini.

## **PERISYTIHARAN**

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

## **RUJUKAN**

- Abdul Rahman Napiah. (2017). Daun karya Malim Ghozali P.K.: Catatan teksdealisme. Dalam S.M. Zakir (Eds.) *Merenungi dunia naratif Malim Ghozali P.K.* (hlm. 54–67). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. (1983). *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Anni Siaturrahmah, & Maimun. (2024) Telaah pemikiran Islam liberal dalam novel “Kemi” karya Adian Husaini perspektif pendidikan Islam. Rabbani: *Jurnal Pendidikan Agama Islam*. 5(1).

- Ahmad Redzuan Mohamad. (2017). Interfaith Commission Malaysia: Analisis ke atas penubuhannya dalam merealisasikan keharmonian agama di Malaysia. *Al-'Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 77–93. DOI:<https://doi.org/10.33102>
- Ahmad Yumni Abu Bakar, Mohd Fairuz Jamaluddin, & Mardzelah Mahksin. (2019). *Membongkar serangan orientalisme*. UUM Press.
- Alias Azhar. (2017). Sains Islam vs sains barat: Analisis amalan dan perbandingan. *Ulum Islamiyyah*, 21, 25–41. <https://doi.org/10.33102/ujj.vol21no0.21>
- Angel Rabasa. 2007. New World Disorder Different Types of Ungoverned Territories
- Asy'ari Hasyim. (2018). Renaisans Eropa dan transmisi keilmuan Islam ke Eropa. *JUSPI: Jurnal Sejarah Peradaban Islam*, 2(1). 1–14. <http://dx.doi.org/10.30829/j.v2i1.1792>
- Badan Peguam Malaysia. (2006). *Petition: Reaffirming the supremacy of the Federal Constitution*. Badan Peguam Malaysia. <https://www.malaysianbar.org.my/article/news/legal-and-general-news/general-news/petition-reaffirming-the-supremacy-of-the-federal-constitution>
- Dass, M. V. (2024, 17 Julai). Ajaran sesat Millah Abraham sudah menular di Johor. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1272707/ajaran-sesat-millah-abraham-sudah-menular-di-johor>
- Doyle, M. W. (1994) American and world politics. *American Political Science Review*, 80, 1151–1169.
- Faris Fuad. (2017, Ogos 25). Dr Mun'im Sirry cuba sebar idea liberal sesat. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/08/317593/dr-munim-sirry-cuba-sebar-idea-liberal-sesat>
- Greenblatt, S. (1989). *The new historicism*. H. Aaram Vesser (Ed.). Routledge.
- Greenblatt, S. (1996). *Resonance and wonder; new historicism and cultural materialism: A reader*. K.Ryan (Ed.) Arnold.
- Hens-Piazza, G. (2002). *The new historicism*. Fortress Press.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2006, 27–28 Jun). *Fahaman liberalisme dan pluralisme menurut pandangan Islam*. <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15852>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2017, 28 Ogos). *Kenyataan media Ketua Pengarah JAKIM berkenaan kenyataan seorang individu dalam program anjuran IRF dan G25*. <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/387-kenyataan-media-ketua-pengarah-jakim-berkenaan-kenyataan-seorang-individu-dalam-program-anjuran-irf-dan-g25>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2024, 21 September). *Kenyataan media Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) berkenaan hasil rampasan OP Global fasa 4 jadi bahan bukti sokongan untuk tentukan status akidah pengikut GISBH*. <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/4461->

- kenyataan-media-jabatan-kemajuan-islam-malaysia-jakim-berkenaan-hasil-rampasan-op-global-fasa-4-jadi-bahan-bukti-sokongan-untuk-tentukan-status-akidah-pengikut-gisbh
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Khadijah Mohd Khambali@Hambali, & Wan Adli Wan Ramli. (2022). Falsafah liberalisme di Malaysia: Satu sorotan awal. *Online Research and Islamic Studies*, 9(2), 61–72. <https://doi.org/10.22452/ris.vol9no2.4>
- Khalif Muammar A. Harris. (2015). Islam dan pluralisme agama (*Memperkokuhkan tauhid pada zaman kekeliruan*). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kurzman, C. (1999). *Liberal Islam*. Oxford University Press.
- Malim Ghazali P.K. (2008). *Daun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marzuki Mohamad. (2009) *Manifestasi Islam liberal di Malaysia: Dimensi politik dan undang-undang*. Dalam Abdul Karim Ali & Mohd Roslan Mohd Nor (Penyelenggara), *Islam liberal: Isu dan cabaran*. Persatuan Ulama Malaysia.
- Mohamad Kamil Ab. Majid (2008, Ogos 14). *Aliran pemikiran Islam antara konservatisme dan liberalisme*. [Seminar] Isu-isu liberalisme di dunia Islam. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan & Jabatan Mufti Perlis.
- Mohamad Kamil Abd Majid. (2012). *Wasatiyyah Islam: Antara liberalisme dan konservatisme di Malaysia*. Pekan Buku Publications.
- Muhamad Amirul Asraf Mohd Darawi, & Kamariah Kamarudin (2018). Manhaj akidah Imam al-Syafie dalam novel Rimba Jiwa dan Qalam Kalbu. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 5(2), 289–301.
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2020). Faktor dan kesan murtad masyarakat Melayu menerusi novel Tuhan Manusia karya Faisal Tehrani: Satu penelitian takmilah. *Jurnal Melayu*, 19(2), 189–204.
- Nor Saleha Mohd Salleh, Noor Hafizah Mohd Haridi, Ahmad Munawar Ismail, & Mohd Shairawi Mohd Noor. (2021). Modus operandi gerakan liberalisme di Malaysia. *International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies*, 2(2), 95–103. <https://doi.org/10.47548/ijistra.2021.28>
- Nur Aisya Asyikin Mohd Zurita, & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2022). Penyelewengan akidah dalam ajaran sesat di Malaysia: Satu analisis. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(2), 197–206. <https://doi.org/10.37231/jimk.2022.23.2.677>
- Ruwaida Md. Zain. (2018, 13 November). Sultan Selangor dukacita fahaman liberal berleluasa. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/11/394813/sultan-selangor-dukacita-fahaman-liberal-berleluasa>
- Seyyed Hossein Nasr (1994). *Islam dan sains moden*. Dalam Baharudin Ahmad (Pnyt.), *Falsafah sains daripada perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sisters in Islam. (2005). *Moral policing violates Qur'anic spirit and fundamental rights*. Sisters in Islam. <https://sistersinislam.org/moral-policing-violates-quranic-spirit-and-fundamental-rights/>
- Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali, Eizah Mat Hussien, & Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. (2011). Pertentangan nilai akhlak Islam dalam novel Tivi menurut al-Ghazali. *JMS*, 3(1). 185–209.
- Wolf, R.P. (1968). *The poverty of liberalism*. Beacon Press.